

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

Piala Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia merupakan satu kejohanan yang dianjurkan oleh pihak kementerian pada setiap tahun. Ianya dipecahkan kepada empat divisyen iaitu Divisyen 1, Divisyen 2, Divisyen 3 dan Divisyen Borneo. Pada musim ini UiTM Sarawak diletakkan dalam Divisyen Borneo yang disertai oleh 5 buah universiti iaitu UiTM Sarawak, UMS, UNIMAS, UPMKB dan Politeknik KK.

Divisyen ini dimainkan secara liga dan berlangsung pada 10 Mei hingga 21 Jun 2014 dengan melibatkan beberapa lokasi IPT di sekitar Sabah dan Sarawak. UiTM Sarawak telah diwakili oleh 19 orang pemain yang merupakan pelajar-pelajar dari pelbagai program dan 7 orang pegawai pengiring iaitu En. Ahmad Faizan Affandi (Pengurus Pasukan), En. Yacub Morshidi (Penolong Pengurus Pasukan), En. Mohd Khairolazlin Sahari (Ketua Jurulatih), En. Mohammad Fareez Tukijo (Penolong Jurulatih), En. Mohd Noor Mataha (Jurulatih Penjaga Gol), En. Mohammad Noor Azuan Hamdan (Jurulatih Kecergasan dan Fisioterapi) dan En. Mulyono Piang (Kitman Pasukan). Pasukan bola sepak dari UiTM Sarawak telah dinobatkan sebagai juara bagi Divisyen Borneo dan berjaya membawa pulang piala kejohanan beserta wang tunai berjumlah RM10,000.



Piala kemenangan dan hadiah wang tunai



Pasukan bola sepak dari UiTM Sarawak


KARNIVAL SUKAN PEWANI UiTM SeMalaysia 2014

Oleh: Ch'ng Looi Chin

Karnival Sukan PEWANI UiTM SeMalaysia (KSPS) 2014 telah berlangsung pada 24-26 Oktober 2014. Kontingen Sarawak yang telah Berjaya dinobat sebagai Johan dalam karnival sukan yang diadakan pada 25 Oktober. Tempat kedua pula dirangkul oleh kampus Terengganu manakala tempat ketiga dimenangi oleh kampus Kelantan.

Bersempena dengan KSPS, UiTM Sarawak turut mengadakan majlis makan malam untuk meraikan semua peserta. Ahli-ahli Pewani dari kampus Sarawak dan kampus cawangan lain turut membanjiri Dewan Jubli di majlis yang bertemakan Semarak Cinta ini. Suasana majlis sangat meriah dan memahat memori indah di kalangan peserta. Pelbagai persembahan yang menarik telah berlangsung pada malam tersebut termasuklah penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang di karnival sukan. KSPS bukan sahaja telah mengeratkan ukhuwah dan silaturahim ahli-ahli kampus Sarawak malah dengan ahli-ahli dari kampus-kampus lain.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my